

# SOPMA

SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA



"PENDIDIKAN TERAS BANGSA DIPERKASA"

# 2010

29 - 31 MAC 2010

DEWAN KAPITOL, KANGAR, PERLIS

Penganjuran : UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS, KERAJAAN NEGERI PERLIS & KERAJAAN NEGERI MELAKA

Bersama : KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA & SEKRETARIAT DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM

Dengan kerjasama : TENAGA NASIONAL BERHAD, UTUSAN MELAYU MALAYSIA BERHAD &

BIRO TATANEGARA - JPM NEGERI PERLIS

# SOEPMA

*SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA*



**"PENDIDIKAN TERAS BANGSA DIPERKASA"**

**29 - 31 MAC 2010**

**DEWAN KAPITOL, KANGAR, PERLIS**





DULI YANG TERAMAT MULIA  
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI  
DYMM TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL  
D.K., S.P.M.P.

**CANSELOR UniMAP**



DULI YANG TERAMAT MULIA  
TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL  
S.P.M.P.

**PRO CANSOLOR UniMAP**

## KATA ALUAN



**Y. A. B. DATO' SERI DR. MD ISA BIN SABU  
MENTERI BESAR PERLIS**

Bismillahirrahmanirrahim

Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua jawatankuasa pelaksana Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010 ini yang telah bertungkus-lumus menjayakan seminar yang pada pendapat saya amat berfaedah dalam memastikan hala tuju pendidikan Melayu.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kerana memberi peluang kepada saya untuk mencoret sepatah dua kata dalam buku program ini. Saya amat teruja sekali cambahan idea dari pihak UniMAP untuk merangka program yang amat berfaedah dan berkualiti dalam membantu kerajaan merealisasikan matlamat mewujudkan ramai profesional Melayu dalam pelbagai bidang.

Pada hemat saya juga agenda paling penting ialah ilmu pengetahuan, hina mulia bangsa bergantung kepada pelajaran dan ia menjadi agenda nombor satu yang dilaksanakan oleh kerajaan iaitu membina modal insan kelas pertama cabaran masa depan ini, bukan hanya perlu dihadapi kerajaan tetapi juga oleh rakyat dan tidak terkecuali orang Melayu.

Saya percaya pelaksanaan SePMA ini dapat membantu mengupas pelbagai masalah dalam memahami perkembangan pendidikan Melayu di Malaysia dan Antarabangsa.

Akhir kata, jadikanlah SePMA kali ini sebagai medan pencetus idea dalam memastikan tahap pendidikan Melayu di Malaysia terus maju dan berkembang selaras dengan keperluan dan kehendak kerajaan.

**"1MALAYSIA RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

Sekian, Terima Kasih

**DATO' SERI DR. MD ISA BIN SABU**  
*Menteri Besar Perlis*



## KATA ALUAN



**Y.A.B. DATUK SERI HJ. MOHD. ALI BIN MOHD RUSTAM**  
**KETUA MENTERI MELAKA merangkap**  
**Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)**

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

Alhamdulillah. Lafaz dirafak setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana kita semua dapat dihimpunkan dalam satu wadah yang cukup bermakna dalam memartabatkan bangsa khususnya Melayu.

Ucapan Tahniah dipanjangkan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kerana berjaya melahirkan idea dan platform terbaik untuk menganjurkan Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) ini di negara Malaysia bumi yang bertuah. Sokongan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) bermula apabila pihak UniMAP hadir dan mengadakan pertemuan dengan saya 8 bulan yang lalu. Berteraskan kepada objektif dan falsafah seminar ini, DMDI merasa tertarik untuk turut serta dalam menjayakannya bersama.

DMDI ditubuhkan adalah berlandaskan komitmen bangsa Melayu dalam memastikan bangsa ini terus dimartabatkan dalam segenap aspek termasuk agama, ekonomi, politik, budaya dan pendidikan di peringkat global. Penglibatan pembesar-pembesar dan tokoh-tokoh Melayu dari seantero dunia dalam merealisasikan setiap intipati DMDI ini seharusnya dapat dikongsi bersama oleh seluruh rakyat Malaysia. Justeru itu, pemilihan negeri Perlis selaku Tuan Rumah dalam menganjurkan SePMA ini telah berjaya melebarkan sayap DMDI demi kepentingan dan kebaikan umat Melayu sejagat.

Akhir kata, bagi pihak DMDI saya ingin mengucapkan syabas & tahniah kepada Universiti Malaysia Perlis, Kerajaan Negeri Perlis, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta agensi-agensi dan syarikat korporat yang bersama-sama memastikan kejayaan seminar ini. Kepada para pembentang dan peserta yg hadir dari rumpun DMDI, terima kasih kerana terus menyokong peranan dan falsafah yang telah kita pateri bersama.

Sekian.

**Y.A.B. DATUK SERI HJ. MOHD. ALI BIN MOHD RUSTAM**  
*Ketua Menteri Melaka merangkap*  
*Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)*

## **KATA ALUAN YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI**



**MOHAMED KHALED NORDIN**  
**Menteri Pengajian Tinggi**  
**Kementerian Pengajian Tinggi**

Assalamualaikum Wrt. Wbt., Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Penganjuran Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) boleh menjadi saluran yang tepat bagi membincangkan strategi bangsa Melayu oleh kumpulan cendekiawan dan tokoh-tokoh Melayu dari Nusantara di peringkat pengajian tinggi.

Justeru itu, Penganjuran Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) ini dilihat satu pendekatan yang terbaik bagi umat Melayu khususnya di Malaysia dalam mencernakan idea dan pandangan menerusi pembentangan-pembentangan yang bakal diadakan sekali gus mengangkat peranan sesebuah institusi pengajian tinggi.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kerajaan Negeri Perlis dan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam serta agensi-agensi dan syarikat korporat yang bertungkus lumus menjayakan seminar ini. Sesungguhnya, usaha mumi ini mencerminkan iltizam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amnya untuk terus memainkan peranannya dalam melahirkan modal insan yang cemerlang dan berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**MOHAMED KHALED NORDIN**  
**Menteri Pengajian Tinggi**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**



## KATA ALUAN



**Y.B. TUAN JAFPERI B. OTHMAN**  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS**  
(Agama Islam, Jawatankuasa Hadhari Pembangunan As-Sunnah)

السلام عليكم ورحمة الله

Salam Hormat

Dengan lafaz **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**, saya merakaf kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan keizinanNYA seminar yang dirancang ini dapat dizahirkan bersama.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis cukup berbangga dengan cetusan idea Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam melahirkan satu wadah perjuangan bangsa menerusi Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA). Program berkonsepkan akademik yang pertama kalinya diadakan di negeri Perlis ini merupakan satu permulaan yang baik dalam memperkenalkan negeri Perlis khususnya kepada dunia. Peranan yang dimainkan oleh UniMAP dalam membantu Kerajaan Negeri Perlis bukanlah perkara yang baru, malah tidak putus-putus melebar dan menyokong agenda negeri dalam pelbagai aspek.

SePMA merupakan wadah yang terbaik bagi bangsa Melayu untuk menilai, memahami dan menyusun strategi perkembangan prestasi pendidikan generasi Melayu hari ini bukan sahaja di peringkat nasional malah seantero dunia. Dengan menghimpun lebih 200 penyertaan dari luar negara dan 300 dari dalam negara, saya amat yakin dan percaya inilah medan untuk pejuang-pejuang bangsa bergabung idea dan tenaga menyahut cabaran pendidikan hari ini selaras dengan motto 'Pendidikan Teras Bangsa DiPerkasa'.

Salam penghargaan dah tahniah saya ucapkan kepada UniMAP, DMDI, Kementerian Pengajian Tinggi, Biro Tatanegara JPM, agensi-agensi kerajaan dan syarikat korporat yang menyokong secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kejayaan SePMA ini. Syabas!

Sekian.

**Y.B. TUAN JAFPERI B. OTHMAN**  
*Pengerusi Jawatankuasa Induk SePMA 2010*



**KATA ALUAN****BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UniMAP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahnya, akhirnya dapat juga UniMAP menjadi sebahagian daripada penganjur satu seminar yang bertaraf antarabangsa di negeri Perlis ini.

Sesungguhnya, sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ditubuhkan di negeri kecil ini, kami berasa amat beruntung dan berbangga kerana berpeluang mencurahkan idea serta bersama-sama pihak-pihak lain untuk memartabatkan pemikiran Melayu ke persada dunia.

Penganjuran seminar seumpama ini nyata merupakan wadah terbaik untuk kita melihat falsafah dan ideologi Negara-negara serumpun tentang satu isu yang sama iaitu "MELAYU". Ingin saya tegaskan di sini, penganjuran seminar ini bukanlah bersifat perkauman - tambahan pula di kala bergemanya laungan 1Malaysia yang diasaskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak.

Namun, besarlah harapan saya, agar penganjuran seminar ini dilihat sebagai platform berteraskan pendidikan - yang bakal memberikan lebih kefahaman, lebih ilmu kepada kita keseluruhannya disamping dapat melihat corak dan pemikiran pelbagai pihak lain tentang isu Melayu ini.

Saya percaya, terlalu banyak ilmu dan manfaat yang akan diraih melalui seminar ini jika kita memberikan tumpuan yang jitu dalam setiap kertas kerja yang dibentangkan.

Akhir kata, saya menyimpan harapan yang cukup tinggi untuk melihat kejayaan penganjuran seminar ini dan pada masa yang sama berharap ia memberikan manfaat yang cukup tinggi kepada semua yang terlibat. Terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Perlis dan Dunia Melayu Dunia Islam kerana mempercayai UniMAP sebagai penganjur bersama Seminar Pemikiran Melayu Antarabangsa (SePMA) ini.

Sekian, Wassalam

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
*Naib Canselor UniMAP*

## **SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA (SePMA)**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Sejajar dengan hasrat YAB Perdana Menteri kita yang inginkan bangsa yang berpendidikan tinggi dalam memartabatkan slogan 1MALAYSIA. Kerajaan Negeri Perlis bersama Universiti Malaysia Perlis berhasrat menjadikan perpaduan sebagai satu cabaran dalam mewujudkan warga Malaysia yang mendokong 1 MALAYSIA. Dalam kita memainkan peranan ke arah perpaduan, kita tidak terlepas pandang dalam memartabatkan kemajuan bangsa Melayu khususnya dalam bidang pendidikan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Perlis dan UniMAP mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam, serta Tenaga Nasional Berhad, Biro Tatanegara JPM dan Utusan Melayu Malaysia Bhd. Seminar ini turut membuka ruang kepada Melayu Nusantara untuk membincangkan penarafan pendidikan Melayu Antarabangsa yang dijangka akan melibatkan penyertaan Melayu dari rumpun ASIAN.

### **2.0 KUMPULAN SASARAN**

- 2.1 Para Akademik dan cendekiawan
- 2.2 Pemimpin masyarakat Melayu serumpun;
- 2.3 Ahli-ahli politik & guru-guru;
- 2.4 Pemimpin-pemimpin pelajar serta individu yang berminat untuk menyertai seminar ini.

### **3.0 OBJEKTIF SEMINAR**

- 3.1 Memahami Perkembangan dan cabaran kemajuan Pendidikan Melayu di Malaysia dan peringkat antarabangsa
- 3.2 Menilai semula senario semasa tentang kedudukan Pendidikan Melayu di Malaysia dan Antarabangsa
- 3.3 Membincangkan halatuju pendidikan Melayu pada masa kini

### **4.0 TEMA**

**" PENDIDIKAN TERAS BANGSA DIPERKASA"**



## 5.0 METODOLOGI SEMINAR

Kursus ini disampaikan secara lisan (Keynote Speaker dan pembentangan kertas kerja) dengan bantuan peralatan multimedia dan bahan bercetak untuk rujukan peserta.

## 6.0 SKOP SEMINAR

Skop perbincangan yang akan dibentangkan dalam persidangan ini terdiri daripada:

- Prestasi Pendidikan Melayu Masa Kini dari perspektif Global
- Pendidikan Melayu Glokal
- Pendidikan Melayu dalam Konteks 1 Malaysia
- Modal Insan Pelajar Melayu ke arah kemajuan pendidikan
- Cabaran Pendidikan Melayu Antarabangsa

## 7.0 JADUAL PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

### Hari Kedua

#### a. 2 slot -Keynote Speaker

- i. Tokoh Tempatan – Y.Bhg. Dato' Seri Aziz Shamsudin
- ii. Tokoh Luar Negara – Yang Terhormat Bapak HM Rusli Zainal SE, MP Gabenor Provinsi Riau

### Hari Kedua & Ketiga

#### b. 5 slot – Pembentangan Utama

(1 jam / slot – pembentang merupakan jemputan dari DMDI & UniMAP)

- i. Slot 1 – Y.Bhg. Prof. Dr. Nana Saudih Sukma Dinata (Indonesia)
- ii. Slot 2 – Y.Bhg. En. Mohd Noor Said (Singapura)
- iii. Slot 3 – Y.Bhg. Prof. Dr. Awang Hasmadi (Brunei)
- iv. Slot 4 – Y.Bhg. En. Nik Abdul Rakib Nik Hassan (PSU-Thailand)
- v. Slot 5 – Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Hjh. Ramlah (Malaysia)

#### c. 12 slot – Pembentangan Kertas Kerja

(15 minit/slot – penyertaan dari dalam negara)

- i. UUM - 2 kertas kerja
- ii. UiTM - 1 kertas kerja
- ii. UteM - 2 kertas kerja
- iv. UKM - 1 kertas kerja
- vi. UPSI - 7 kertas kerja
- vii. UniMAP - 5 kertas kerja

## **8.0 AHLI JAWATANKUASA PROGRAM**

### **JAWATANKUASA SEMINAR**

#### **PENAUNG DIRAJA**

D.Y.T.M. Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail  
*D.K., S.P.M.P.*  
*Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP*

#### **PENAUNG KEHORMAT**

Y.A.B. Datuk Seri Haji Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam,  
*Ketua Menteri Melaka /Presiden DMDI*  
Y.A.B Dato' Seri Dr. Md. Isa B. Sabu  
*Menteri Besar Perlis*  
Y.B. Datuk Seri Mohamed Khaled B. Nordin,  
*Menteri Pengajian Tinggi Malaysia*

#### **PENAUNG BERSAMA**

Y.Bhg. Dato' Seri Che Khalib B. Mohamad Noh  
*Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad*

### **JAWATANKUASA INDUK**

#### **PENGERUSI BERSAMA**

Y.B. Tuan Jaffperi B. Othman  
*Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Agama Islam, Jawatankuasa Hadhari & Pembangunan As-sunnah)*  
Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin b. Hussin  
*Naib Canselor UniMAP*

#### **TIMB. PENERUSI**

Y.Bhg. Datuk Dr. Hj. Mohd Jamil B. Mukmin  
*Naib Pengerusi DMDI*

#### **PENASIHAT LUAR**

Kerajaan Negeri Perlis  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Tenaga Nasional Bhd.  
Utusan Melayu Malaysia Bhd  
Biro Tatanegara, JPM Perlis

#### **PENASIHAT TEKNIKAL**

DAY.Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah  
Cik Azlinda Zubir  
*Pengurus Besar DMDI*  
En Razi Ahmad  
*Dekan Jabatan Hal Ehtwal Pelajar & Alumni*  
Dr. Hazry B. Desa  
*Dekan PPKK*

#### **SEKRETARIAT UTAMA**

Universiti Malaysia Perlis  
Dunia Melayu Dunia Islam



## 8.0 AHLI JAWATANKUASA PROGRAM

### JAWATANKUASA PELAKSANA

#### PENGERUSI BERSAMA

En. Mohd Mustafa Al Bakri b. Abdullah (*Pengetua Kolej Kediaman*)  
En Hirwan Jasbir Jaafar (*Penyelaras UKS*)

#### SETIAUSAHA

En Raja Shah Erman Raja Arifin (*UniMAP*)  
Pn. Azlinda Akmar Ab Khalid (*DMDI*)

#### BENDAHARI

Cik Norsyahiza Hamzah  
Cik Ku Azira Ku Aziz

#### SEKRETARIAT :

##### SEKRETARIAT JEMPUTAN, PROTOKOL & PENGURUSAN ACARA

En. Mustafa B. Ismail  
En. Raja Shah Erman B. Raja Arifin  
En. Mohd Hakam B. Hassan  
En. Mohd Zul Fauzi B. Mohamed Sawal  
En. Ku Isma Faizul B. Ku Ismail  
En. Dzairi Asrul B. Dzainol  
Cik Izrin Syazreena Ismail  
Sekretariat DMDI  
Pejabat SUK Perlis  
Jabatan Kebudayaan Negeri Perlis

##### SEKRETARIAT PENDAFTARAN & PENGINAPAN PESERTA

Cik Azilawati Bt. Suanda  
Pn. Nazatul Syima Bt. Saad  
Cik Norhamila Bt Rusli  
Cik Norsyahida Bt. Sayal  
En. Amir Murtadza Zaini  
Sekretariat DMDI

##### SEKRETARIAT PENDAFTARAN PEMBENTANG KERTAS KERJA (ABSTRAK & KERTAS KERJA)

Cik Mahyun Bt. Ab. Wahab  
Dr. Ku Mohd Nabil B. Ku Hamid  
Pn. Nur Aimi Bt. Muslim  
En. Abdul Wahab Md Sani  
Sekretariat DMDI

##### SEKRETARIAT PERCETAKAN & DOKUMENTASI

En. Mohd Hizazy B. Yusof  
Cik Nordini Bt. Idrus  
En. Mohammad Jabbar Tariq B. Alizul Pakar  
En. Mohd Sofian Rossli

##### SEKRETARIAT SAMBUTAN & PENGIRING

Unit Protokol SUK Perlis  
Kol. (B) Azuddin Bahari  
En. Norazam B. Rashid  
En. Amiripana Moh. Saleh

Sekretariat DMDI  
Jabatan Imigresen  
Jabatan Pelancongan

##### SEKRETARIAT KESELAMATAN & KECEMASAN

Jabatan Keselamatan UniMAP  
PDRM Perlis  
Hospital Tuanku Fauziah

##### SEKRETARIAT PUBLISITI, PROMOSI & SERANTA

En. Bimazlim B. Bidin  
Cik Hazelen Talib  
Sekretariat DMDI  
Jabatan Penyiaran Perlis

##### SEKRETARIAT SIARAYA & MULTIMEDIA

En. Mohd Ezrafa B. Baharudin  
Pn. Norismiza Bt. Ismail  
Pn. Nooraziana Bt. Ibrahahim  
Jabatan Penerangan Perlis

##### SEKRETARIAT JAMUAN

Cik Hasdarinar Bt. Abdul Jalal  
Pn. Hasnah Bt. Harun

##### SEKRETARIAT LOGISTIK (PENGANGKUTAN), FIZIKAL & PERSIAPAN TEMPAT

SUK Perlis  
En. Rosfarizal B Abdul Manan  
En. Shahril Mukhriz B. Sulaiman  
En. Mohd Azamin B. Mohd Adli  
En. Mohd Hafeez B. Nordin  
En. Hashim Yusof  
Sekretariat DMDI  
JKR Perlis  
JPJ Perlis

##### SEKRETARIAT CENDERAHATI & HONORARIUM

Pn. Julinawati Bt. Suanda  
Cik Shanifah Sabrina Bt. Syed Mustaffa  
Pn. Nurulhalifatulmaria Md Isa  
Sekretariat DMDI

##### SEKRETARIAT MEDIA

Pn. Suhana Bt. Abdul Mutilib  
Nurul Shafinaz Ismail  
Jabatan Penyiaran Perlis

##### SEKRETARIAT TUGAS-TUGAS KHAS

Unit Agama UniMAP  
Cik Sharmila Saidin  
En. Shafiq Hizwari Md Hashim  
Cik Noor Asliza Abd Rahim  
Cik Husna Afifi  
En. Ahmad Fahmi Mahamod

## JADUAL PROGRAM

### Hari Pertama (28 Mac 2010/Ahad)

Pagi – malam : Pendaftaran Peserta / Penginapan

### Hari Kedua (29 Mac 2010/Isnin), Dewan Kapitol

8.00pg : Ketibaan Peserta  
 8.30 pg : Ketibaan Dif-Dif Kehormat  
 9.00 pg : Ucapan Keynote Speaker I  
 Oleh Y.Bhg. Dato' Seri Abdul Aziz Shamsuddin  
 10.30pg : Minum Pagi  
 11.00pg : Ucapan Keynote Speaker II  
 Oleh Yang Terhormat Bapak HM Rusli Zainal SE, MP  
 Gabenor Provinsi Riau  
 12.30 tgh : Jamuan Makan Tengahari / Rehat / Solat  
 2.00 ptg : Majlis Perasmian (sila lihat Aturcara I)  
 3.45 ptg : Pembentangan Utama 1 - Y.Bhg. Prof. Dr. Nana Saudih Sukma Dinata - (Indonesia)  
 5.00 ptg : Minum Petang  
 5.30 ptg : Seminar Ditangguhkan  
 8.00 malam : Majlis Makan Malam (sila lihat Aturcara II)

### Hari Ketiga (30 Mac 2010/Selasa), Dewan Kapitol

8.30 pg : Pembentangan Utama 2 - Y.Bhg. En. Mohd Noor B. Said  
 (Jamiyah Singapura)  
 9.30 pg : Pembentangan Kertas Kerja (4 slot)  
 10.30 pg : Minum Pagi  
 11.00 pg : Pembentangan Utama 3 - Y.Bhg. Prof. Dr. Awang Hasmadi - (Brunei)  
 12.00 tgh : Pembentangan Kertas Kerja (2 slot)  
 12.30 tgh : Makan Tengahari  
 1.00 ptg : Solat / Rehat  
 2.15 ptg : Pembentangan Utama 4 - Encik Nik Abdul Rakib Nik Hassan - (Thailand)  
 3.15 ptg : Pembentangan Utama 5 - Y.Bhg. Dr. Hjh. Ramlah Adam - (Malaysia)  
 4.15 ptg : Pembentangan Kertas Kerja (5 slot)  
 5.30 ptg : Minum Petang  
 8.00 malam : Festival Kebudayaan Nusantara (sila lihat Aturcara III)

### Hari Keempat (31 Mac 2010/Rabu), Dewan Kapitol

8.30 pg : Perbincangan Resolusi  
 10.30 pg : Minum Pagi  
 11.00 pg : Pembentangan Resolusi  
 : Majlis Penutup & Penyerahan Sijil (Sila lihat Aturcara IV)  
 1.00 ptg : Makan Tengahari  
 2.00 ptg : Lawatan Delegasi DMDI  
 6.00 ptg : Pulang ke hotel



## Aturcara I

### MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA 29HB MAC 2010, 2.00 PETANG, DEWAN KAPITOL

- 2.00 ptg - Ketibaan Para Peserta
- 2.10 ptg - Ketibaan Dif-Dif Kehormat
- 2.20 ptg - Ketibaan Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
- 2.25 ptg - Ketibaan Y.A.B Ketua Menteri Melaka / Presiden DMDI
- 2.30 ptg - Ketibaan Y.A.B Menteri Besar Perlis
  - Nyanyian Lagu Negaraku
  - Bacaan Doa
  - Ucapan Aluan Pengerusi JK Induk
  - Ucapan Y.A.B Ketua Menteri Melaka / Presiden DMDI
  - Ucapan Perasmian oleh Y.A.B. Menteri Besar
  - Penyempurnaan Simbolik Perasmian
  - Penyampaian Cenderahati
- 3.45 ptg - Jamuan Dif Kehormat

- *Pakaian Kerja*

## Aturcara II

### MAJLIS MAKAN MALAM SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA 29HB MAC 2010, 8.00 MALAM, DEWAN 2020

- 7.30 mlm - Ketibaan Para Peserta & Pembentang
- 8.00 mlm - Ketibaan Dif-Dif Kehormat
- 8.10 mlm - Ketibaan Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
- 8.15 mlm - Ketibaan Y.A.B Ketua Menteri Melaka / Presiden DMDI
- 8.20 mlm - Ketibaan Y.A.B Menteri Besar Perlis
- 8.30 mlm - Keberangkatan Tiba DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
  - Nyanyian Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda
  - Titah Ucapan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis
  - Gimik Perasmian & Sesi Simbolik Penubuhan Sekretariat DMDI Negeri Perlis
  - Jamuan & Persembahan
  - Penyampaian Cenderahati
- 10.30 mlm - Nyanyian Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda
  - Keberangkatan pulang DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
  - Bersurai

\* Pakaian Batik



### Aturcara III

#### **FESTIVAL KEBUDAYAAN NUSANTARA SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA 30HB MAC 2010, 9.00 MALAM, DATARAN DATO' SHEIKH**

- 9.00 mlm
  - Ketibaan Dif-Dif Jemputan
  - Ucapan Aluan Pengacara Majlis
  - Persembahan kebudayaan Nusantara
- 10.30 mlm
  - Majlis Bersurai

- Pakaian Smart casual

### Aturcara IV

#### **MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA 31HB MAC 2010, 11.00 PAGI, DEWAN KAPITOL**

- 10.50 PG
  - Ketibaan Y.B. Pengerusi JK Induk
  - Nyanyian Lagu NegaraKu
  - Bacaan & penyerahan Resolusi
  - Ucapan Perasmian Penutup oleh Y.B Pengerusi JK Induk
  - Penyampaian Cenderahati & Sijil
- 12.30 TGH
  - Jamuan Makan Tengahari & Bersurai

- Pakaian Kerja

## *Sekalung Penghargaan*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Rabbil alamin semesta alam yang dengan rahmat-Nya telah mengumiakan manusia akal fikiran demi keperluan kehidupan dunia dan dengan kasih sayang-Nya telah menunjukkan manusia jalan kemakmuran menerusi ajaran Islam.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Seminar SePMA 2010 ini berjaya direalisasikan. Seminar ini julung kalinya diadakan di bumi Perlis.

Dengan kesempatan ini, SEKRETARIAT SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA (SEPMA) 2010 ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada :-

**KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**KERAJAAN NEGERI MELAKA**

**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**SEKRETARIAT DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM**

**BIRO TATANEGARA (JABATAN PERDANA MENTERI) CAWANGAN NEGERI PERLIS**

**TENAGA NASIONAL BERHAD**

**UTUSAN MELAYU MALAYSIA BERHAD**

**JABATAN PELAJARAN PERLIS**

**PDRM PERLIS**

**JPJ PERLIS**

*Serta agensi-agensi dan Syarikat-Syarikat Korporat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.*

**“ 1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN ”**





**Unimap**

**SEKRETARIAT PENERIMAAN ABSTRAK DAN KERTAS KERJA  
SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA  
PEJABAT UNIT KAJIAN STRATEGIK -**

No. 114 (TINGKAT BAWAH),  
TAMAN PERTIWI INDAH, JALAN KANGAR-ALOR STAR  
SERIAB, 01000 KANGAR, PERLIS